



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2017 / 2018
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDW 3263/ DDPW 3143
KOD KURSUS

COURSE NAME : PARTNERSHIP AND COMPANY LAW /
NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN DAN SYARIKAT

YEAR / PROGRAMME : DDW/ DDPW
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : OCTOBER/ NOVEMBER 2017
TARIKH

INSTRUCTIONS/ARAHAN :

1. Students may refer to the relevant Acts.
(Pelajar dibenarkan merujuk kepada Akta yang berkaitan)
2. Please refer to specific instructions inside.
(Sila rujuk kepada arahan terperinci di bahagian dalam kertas soalan).
3. Answer **ALL** questions in the answer booklet(s) provided.
Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of ...8... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi8..... muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadangkan untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar), 1999.

Section A : Answer ALL of the questions. True or False statements.
[Bahagian A: Jawab SEMUA soalan. Pernyataan Betul atau Salah]

(10 marks/markah)

- Q1. A company may be incorporated by having only one member.
[Sesebuah syarikat boleh diperbadankan dengan hanya mempunyai seorang ahli.]
- Q2. Based on the Companies Act 2016, a company is required to state its authorized share capital.
[Berdasarkan kepada Akta Syarikat 2016, sesebuah syarikat dikehendaki menyatakan modal saham dibenarkan.]
- Q3. Companies no longer required to submit the Memorandum of Association and Articles of Association when applying for incorporation.
[Syarikat-syarikat yang memohon untuk diperbadankan tidak lagi perlu mengemukakan Memorandum Persatuan dan Artikel Persatuan.]
- Q4. All private companies are required to hold Annual General Meeting.
[Semua syarikat-syarikat persendirian dikehendaki mengadakan Mesyuarat AmTahunan.]
- Q5. The Companies Act 2016 prohibits directors to allot or grant rights to subscribe for shares or convert any security into shares in a company or allot shares under an agreement or option to offer without prior approval by resolution of the company
[Akta Syarikat 2016 melarang pangarah-pengarah syarikat untuk mengumpukkan syer atau memberikan syer di bawah suatu perjanjian atau opsyen atau tawaran tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu melalui ketetapan oleh syarikat.]
- Q6. A Limited Liability Partnership have perpetual succession.
[Sesebuah Perkongsian Liabiliti Terhad kekal turun temurun.]
- Q7. There is no ceiling on the number of partners for professional firms.
[Tiada had dari segi bilangan rakan kongsi-rakan kongsi untuk firma-firma professional.]
- Q8. A partnership is a legal entity by itself.
[Sesebuah perkongsian adalah sebuah entiti undang-undang yang tersendiri.]
- Q9. Partnership are required to be registered with the Companies Commission of Malaysia.
[Perkongsian dikehendaki didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.]

Q10. The Companies Commission of Malaysia (CCM) is required to issue a notice of registration for the new company

[Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dikehendaki mengeluarkan notis pendaftaran untuk syarikat baru.]

Section B: Answer five (5) questions only.

(40 marks/markah)

[Bahagian B: Jawab lima (5) soalan sahaja.]

Q1. Discuss the facts and principles of the case *Salomon v. Salomon & Co. Ltd. (1897) AC 22*

[Bincangkan fakta dan prinsip kes Salomon lwn Salomon & Co. Ltd (1897) AC 22.]

(8m)

Q2. Explain the following matters:

[Terangkan perkara-perkara berikut :]

(i) Veil of incorporation

[Tabir pemerbadanan]

(4m)

(ii) Formation of a public company under the Companies Act 2016

[Penubuhan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 2016.]

(4m)

Q3. Discuss the difference between incorporation of a private company under the Companies Act 1965 and Companies Act 2016.

[Bincangkan perbezaan di antara pemerbadanan sesebuah syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016.]

(8m)

Q4. Elaborate the meaning of Section 4(c) of the Partnership Act 1961 "the receipt by a person of a share of the profits of business is prima facie evidence that he is a partner in the business".

[Jelaskan maksud peraturan Seksyen 4(c) Akta Perkongsian 1961 "penerimaan oleh seseorang bahagian keuntungan dalam urusan adalah keterangan prima facie bahawa dia adalah seorang rakan kongsi dalam urusan".]

- Q5. In light of the new Limited Liability Partnership 2012, discuss whether liability of partners in a partnership is limited. Give reasons for your answer.

[Berdasarkan kepada akta baru, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, bincangkan samada liabiliti rakan-rakan kongsi dalam sesebuah perkongsian adalah terhad. Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.]

(8m)

- Q6. State the differences between a limited liability partnership and a partnership.

[Nyatakan perbezaan-perbezaan di antara perkongsian liabiliti terhad dengan perkongsian.]

(8m)

- Q7. Explain the grounds for the compulsory winding up of a company.

[Terangkan sebab-sebab untuk penggulungan secara paksa sesebuah syarikat.]

(8m)

- Q8 Write notes on the following:

[Tulis nota-nota berikut:]

- (i) Liability of partners in contract

[Liabiliti rakan kongsi dalam berkontrak]

(4m)

- (ii) Liability of company directors.

[Liabiliti pengarah syarikat.]

Section C : Answer ALL questions below :
(Bahagian C: Jawab SEMUA soalan berikut:)

(10 marks/ markah)

Q1. M... ..



- (i) *Isu tentang bilangan Pengarah Syarikat yang kini tinggal seorang dan sepatutnya dua orang*
- (ii) *Isu pembayaran dividen kepada pemegang syer walaupun syarikat tiada keuntungan.]*

(5m)

Q2. Dollah is a land owner and he enters into a joint venture agreement with Mahat in which Mahat agreed that Mahat will build shop houses and houses on Dollah's land. Profit from the sale of the shop lot and houses to purchasers will be divided between Dollah and Mahat in the ratio of 20:80. Mahat borrowed money from Rowen to finance for the project of building the shop house and houses on the land. Mahat failed to build the shop houses and houses on the land. Rowen brought an action to court against both Mahat and Dollah for money borrowed by Mahat for the project , on the ground that he was a partner of the business. Based on the law of partnership, advised Dollah.

[Dollah adalah seorang tuanpunya tanah dan bersetuju mengikat perjanjian usahasama dengan Mahat. Menurut perjanjian itu, Mahat bersetuju untuk membina beberapa rumah kedai dan rumah kediaman di atas tanah Dollah. Keuntungan dari penjualan lot-lot rumah kedai serta rumah-rumah kediaman akan dikongsi bersama oleh Dollah dan Mahat dalam ratio 20:80 Mahat telah membuat pinjaman wang dari Rowan untuk membiayai projek pembinaan rumah kedai dan rumah kediaman di atas tanah Dollah. Walaubagaimana pun, Mahat gagal membina rumah-rumah kedai dan rumah-rumah kediaman sebagaimana yang dijanjikan oleh nya. Rowan mengambil tindakan mahkamah terhadap Mahat dan Dollah kerana wang yang dipinjamkan oleh nya kepada Mahat untuk projek itu kerana menurut Rowan, Dollah juga bertanggung jawab terhadap pinjaman itu kerana Dollah adalah rakan kongsi Mahat dalam perniagaan tersebut.

Berdasarkan undang-undang perkongsian, nasihatkan Dollah.]

(5m)

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]